



Petugas DBKL menjalankan operasi ke atas perniagaan warga asing di Jalan Silang, Jalan Bukit Bintang dan Jalan Khoo Teik Ee. (Foto ihsan DBKL)

DBKL sita barang sembilan penjaja haram warga asing

Kuala Lumpur: Cuti Aidilfitri membuka peluang kepada warga asing untuk berniaga tanpa permit di sekitar Kuala Lumpur, tetapi penguat kuasa tetap bertugas ketika cuti umum.

Petugas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjalankan operasi ke atas perniagaan warga asing di Jalan Silang, Jalan Bukit Bintang dan Jalan Khoo Teik Ee, di sini.

Penguat kuasa menyita barang perniagaan milik sembilan penjaja warga asing yang beroperasi tanpa lesen dalam operasi itu.

DBKL dalam hantaran di Facebook memaklumkan penjaja menjual pelbagai jenis makanan dan minuman secara haram dan melanggar Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja 2016.

“Tindakan sita dan pemindehan barang dilakukan sertamerta bagi memastikan tiada aktiviti perniagaan haram berleluasa di ibu kota,” menurut kenyataan itu.

Semua barang perniagaan yang dikenakan tindakan sita dihantar ke stor sitaan DBKL di Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk dokumentasi

dan tindakan lanjut.

Beberapa hari lalu, operasi DBKL tular di media sosial ketika cuba merampai barang perniagaan penjaja belon.

Dalam kenyataan sebelum ini, DBKL berkata, penjaja berkenaan didakwa enggan memberi kerjasama mematuhi arahan penguat kuasa selain didakwa bertindak agresif terhadap anggota bertugas.

Polis menerima tiga laporan berhubung kes pergelutan di antara anggota penguat kuasa DBKL dan seorang penjaja belon di kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) di sini.